



Membina Modul Mudah Membaca MOA Bagi Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Orang Asli

Long Roslee, Lialoura¹, Abdul Wahab, Norwaliza^{2*} & Nordin, Nordina Alia³

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 35900 Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: norwaliza@fpm.upsi.edu.my

Tersedia dalam talian 18 Oktober 2021

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul khusus bagi meningkatkan kemahiran membaca murid Orang Asli dan menilai keberkesanan modul tersebut ke atas mereka. Pembinaan modul adalah berdasarkan kepada model ADDIE dan telah melalui lima peringkat iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Kajian ini juga telah menilai keberkesanan modul untuk melihat sebarang peningkatan yang berlaku dalam kemahiran membaca murid Orang Asli. Kajian ini menggunakan dua jenis pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah dilaksanakan dalam kajian ini manakala pendekatan kualitatif berlaku melalui pemerhatian senarai semak murid dalam bilik darjah dan maklum balas guru. Kajian ini melibatkan 10 orang murid Orang Asli dari SK Ulu Geruntum, Gopeng, 10 orang murid Orang Asli dari SK Kampung Senta, Bidor dan 10 dari SK Batu 14, Tapah. Setiap sekolah ditetapkan masing-masing lima orang murid dalam kumpulan kawalan dan lima orang murid dalam kumpulan rawatan. Kajian ini menggunakan instrumen Modul Mudah Membaca MOA, ujian diagnostik, ujian pra, ujian pasca, senarai semak pemerhatian murid dan borang maklum balas guru. Hasil dapatan menunjukkan sepanjang penggunaan modul membaca ini, terdapat perubahan positif terhadap kemahiran membaca dan tingkah laku murid Orang Asli. Analisis kajian juga mendapati bahawa terdapat peningkatan pada keputusan ujian pasca ketiga-tiga kumpulan rawatan dan kawalan, dengan kumpulan rawatan memperoleh peningkatan yang lebih tinggi secara signifikan berbanding kumpulan kawalan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Modul Mudah Membaca MOA dapat meningkatkan kemahiran membaca murid Orang Asli di samping memberi perubahan positif pada tingkah laku mereka.

Kata kunci: Orang Asli, Modul Membaca, pendidikan, bahasa ibunda.

Abstract: This study aims to develop a special module to improve the reading skills of Orang Asli students and assess the effectiveness of the module on them. The development of the module is based on the ADDIE model and has gone through five stages, namely analysis, design, development, implementation and assessment. This study has also assessed the effectiveness of the module to see any improvement in the reading proficiency of Orang Asli students. This study uses two types of approaches which are the qualitative and quantitative approaches. A quantitative approach with a quasi-experimental design has been carried out in this study while a qualitative approach applies through the students' observation list in the classroom as well as the responses from the teachers. This study involved 10 Orang Asli students from SK Ulu Geruntum, Gopeng, 10 Orang Asli students from SK Kampung Senta, Bidor and 10 from SK Batu 14, Tapah. Each school assigned five students each in the control group and five students in the treatment group. The study used the MOA Easy Reading Module instrument, diagnostic test, pre-test, post-test, student observation checklist and teacher feedback form. The results showed that during the use of this reading module, there were positive changes in the reading proficiency and behavior of Orang Asli students. Analysis of the studies also found that there was an improvement in post-test decisions across all three treatment and control groups, with the treatment group were having significantly higher improvements than the control group. In conclusion, this study shows that the use of the MOA Easy Reading Module can improve the reading skills of Orang Asli students while providing positive changes in their behavior.

Keywords: Orang Asli, reading module, education, mother tongue.

1. Pengenalan

Terdapat kes-kes wujudnya murid sekolah rendah yang berisiko berdepan dengan permasalahan membaca, menulis dan mengira (3M) terutamanya murid yang mendiami kawasan luar bandar dan pedalaman seperti murid Orang Asli sebenarnya sangat memerlukan bimbingan khasnya dalam pembelajaran agar mereka juga dapat memperoleh kemahiran 3M dengan baik. Masalah yang masih membimbangkan di dalam sistem pendidikan Malaysia adalah peratusan keciciran pelajar Orang Asli (Abdul Wahab, Ahmad & Awang, 2019). Menurut statistik daripada PPPM (2013-2025), pencapaian pendidikan Orang Asli agak rendah berbanding purata kebangsaan dan hanya 30% murid Orang Asli menamatkan sekolah menengah. Manakala bagi pencapaian akademik pada tahun 2012, hanya 61% murid SK Orang Asli yang telah lulus matapelajaran teras UPSR berbanding dengan 87% purata kebangsaan (Yusof, Ahmad & Musa, 2013). Kenikmatan di alam persekolahan rendah menjadi igauan buruk kepada mereka setiap hari rentetan sifat malu dan rendah diri yang terus menebal. Menurut Nyborg et al (2020), sikap pemalu dan pendiam seorang kanak-kanak akan risikokan mereka kepada ketinggalan dalam pembelajaran kerana aktiviti lisan amat penting dalam pedagogi yang merangkumi aktiviti perbincangan didalam kelas, kerja berkumpulan, pembentangan atau tugas secara berpasangan. Keyakinan diri semakin terhakis dalam diri mereka untuk berhadapan dengan sesiapa saja terutama dengan orang luar. Dalam jangka masa panjang, murid-murid Orang Asli ini akan kehilangan tumpuan untuk meneruskan pelajaran sekaligus tercicir daripada persekolahan. Hal ini kerana mereka mempunyai gaya hidup yang tiada peraturan dan bebas serta tiada kemahiran mengurus masa yang telah mempengaruhi motivasi dan minat mengikuti pembelajaran seterusnya menyebabkan keciciran mereka dalam pendidikan (Mohd Yusoff, 2017). Justeru itu, kemahiran membaca menjadi elemen penting yang harus dikuasai oleh mereka untuk membolehkan mereka mengesepi keseronokan dalam pembelajaran.

Modul Mudah Membaca Murid Orang Asli (MOA) ini mengandungi bahan kandungan bacaan yang berkisar kepada kehidupan masyarakat Orang Asli dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan keluarga Orang Asli yang mendiami kawasan pedalaman masih mengamalkan budaya kehidupan tradisional seperti mencari hasil hutan dan mempraktikkan adat resam Orang Asli (Er, 2010). Menurut Wahab et al (2020), anak-anak Orang Asli perlu didedahkan kepada kaedah pembelajaran yang berasaskan pengetahuan peribumi mereka degan dilaksanakan ke dalam matapelajaran untuk mengekalkan kelestarian warisan Orang Asli. Sehubungan itu, semua kegiatan harian mereka diaplikasikan oleh guru dengan kreatif dalam modul ini bagi memberikan memberi pendekatan 'sense of belonging' kepada mereka untuk dihubungkan dengan kehidupan harian mereka. Cumming & Nash (2015), menekankan dalam kajian mereka tentang pendekatan sense of belonging dan sense of place yang merupakan komponen untuk membantu pelajar yang dipercayai boleh menggalakkan pembelajaran positif dan lebih dekat dengan komuniti mereka. Modul Mudah Membaca MOA ini bertujuan untuk meningkatkan kadar peratus murid Orang Asli yang lemah dalam kemahiran membaca. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan minat mereka untuk membaca dan rajin hadir ke sekolah kerana mereka akan beranggapan terdapat perasaan serasi antara guru dan murid melalui modul yang berkaitan kehidupan mereka (Valerian, Taisin & Suyata, 2020). Sikap disiplin diri untuk ke sekolah dapat dipupuk dalam diri murid-murid Orang Asli apabila mereka menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sama dengan persekitaran mereka (Abdul Wahab & Nordin, 2021). Modul tersebut juga menyediakan proses pembacaan daripada yang mudah kepada yang lebih susah dan juga mengembangkan tahap pemikiran mereka. Menurut Othman (2008), bahan bacaan membaca harus membolehkan pembaca memahami teks yang dibaca dan kandungan teks adalah sesuatu yang bermakna kepada pembaca. Bagi meningkatkan kefahaman masyarakat Orang Asli tentang kepentingan pendidikan adalah dengan mendekati mereka menggunakan pendekatan pendidikan yang menarik serta dalam masa yang sama dapat memenuhi keperluan mereka (Abdul Wahab et al., 2013).

1.1. Pernyataan Masalah

Kajian membaca yang dijalankan oleh Jamian (2021), Jamian & Ismail (2016) dan Aziz et al (2017) mendapati bahawa ramai murid-murid Orang Asli masih tidak boleh membaca. Selaras dengan visi dan misi Wawasan 2020 iaitu menghasilkan modal insan berarah sendiri, berpengetahuan dan berketrampilan, KPM telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada tahun 2006-2010 yang bertujuan melaksanakan dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. Walaubagaimanapun, kekurangan modul atau bahan bacaan yang sesuai untuk murid Orang Asli menyukarkan guru-guru yang mendidik di sekolah Orang Asli untuk mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran mereka dalam bilik darjah bagi mendapatkan impak yang efektif dan maksima. Menurut Abdul Wahab (2015), peruntukan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli yang diberikan sebelum ini dilihat tidak memberi impak yang ketara, oleh itu satu kaedah yang sesuai perlu dilaksanakan untuk mereka. Sebuah kajian oleh Wahab et al (2017), menunjukkan murid Orang Asli masih lemah dalam menguasai matapelajaran Bahasa Melayu serta mereka masih keliru tentang ejaan dan sebutan. Manakala kajian Sukor et al (2011) mendapati bahan bacaan yang disediakan kepada murid Orang Asli tidak menimbulkan keinginan mereka untuk mengikuti pelajaran dan sifat mereka yang mudah lupa merupakan alasan mereka tidak dapat mengikuti pengajaran yang disampaikan.


1.2. Objektif

- a) Membina Modul Mudah Membaca Murid Orang Asli (MOA) berdasarkan Model ADDIE;
- b) Menguji Modul Mudah Membaca Murid Orang Asli (MOA) melalui ujian pra dan pasca;
 - Mengenalpasti perbezaan di antara min Ujian Pra dengan min Ujian Pasca kumpulan kawalan Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C;
 - Mengenalpasti perbezaan di antara min Ujian Pra dengan min Ujian Pasca kumpulan rawatan Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C;
 - Mengenalpasti perbezaan min Ujian Pasca di antara kumpulan kawalan Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C;
 - Mengenalpasti perbezaan min Ujian Pasca di antara kumpulan rawatan sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C.

1.3. Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini telah dibina berdasarkan tiga model teori membaca yang telah mempengaruhi proses penguasaan kemahiran membaca murid Orang Asli iaitu teori kognitif, teori behavioris dan teori linguistik. Dengan mengambilkira faktor-faktor tersebut, pengkaji telah membina modul membaca khas untuk murid Orang Asli berdasarkan lima peringkat Model ADDIE iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Modul ADDIE salah satu fungsinya adalah sebagai panduan ketika membina alat dan infrastruktur program latihan yang berkesan, dinamik dan menyokong prestasi latihan itu sendiri (Sari, 2017). Pembinaan modul tersebut adalah bagi meningkatkan tahap kemahiran membaca mereka. Rajah 1 telah menunjukkan punca murid Orang Asli kurang mahir membaca berdasarkan tiga teori membaca dan melalui maklumat tersebut jugalah, pengkaji menghasilkan modul yang menepati ciri-ciri ketiga-tiga teori tersebut. Seterusnya, keberkesanannya diuji melalui tiga instrumen kajian yang telah ditetapkan iaitu ujian pra dan pasca serta senarai semak pemerhatian.

Rajah 1: Kerangka konseptual kajian



1.4. Modul

Modul adalah satu koleksi atau himpunan gerak kerja yang dikumpul bersama bagi tujuan pencapaian objektif tertentu dengan efektif dan berkesan. Lazimnya, penghasilan modul berteraskan kepada pemantapan 3 teras utama termasuklah sikap, kemahiran dan pengetahuan. Dalam kajian ini, modul yang dimaksudkan adalah latihan kerja yang telah dirancang dan dirangka untuk mencapai objektif meningkatkan penguasaan kemahiran asas murid Orang Asli.

1.5. Orang Asli

Suku kaum Orang Asli adalah salah satu kaum minoriti yang terdapat di Malaysia. Masyarakat Orang Asli kebanyakannya masih lagi menetap di kawasan pedalaman. Mereka ini mengamalkan adat dan budaya turun-temurun. Menurut kajian sejarah, Malaysia mempunyai 18 keturunan Orang Asli yang berlainan dan setiap satunya mempunyai bahasa ibunda yang berbeza. Mereka yang terdiri daripada beberapa suku ini mengamalkan gaya hidup kebiasaan yang unik dan mempunyai sifat sosial, politik dan mereka berjuaag menjaga budaya yang tidak dapat dipisahkan dengan alam sekitar (Williams-Hunt, 1995). Dalam kajian ini, Orang Asli merujuk kepada murid Orang Asli yang berketurunan Semai dan tinggal di daerah Gopeng dan Batang Padang serta bersekolah di sekolah yang 100% murid adalah Orang Asli.

2 Tinjauan Literatur

2.1. Pendidikan Murid Orang Asli

Sebilangan besar masyarakat Orang Asli di Malaysia masih lagi ketinggalan terutama dari aspek pendidikan berbanding kaum lain yang merangkumi isu pembelajaran dan pencapaian akademik yang rendah yang tidak setaraf dengan kemajuan negara (Md. Nor et al., 2011). Pada tahun 2015, kerajaan mensasarkan semua kanak-kanak di Malaysia perlulah sekurang-kurangnya mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan sekolah rendah serta masyarakat Orang Asli juga tidak boleh lagi ketinggalan dalam fokus pembangunan pendidikan (Singar & Zainuddin, 2017). Isu keciciran pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli antara permasalahan yang membimbangkan walaupun terdapat usaha daripada pihak kerajaan untuk meningkatkan aspek pendidikan masyarakat ini. Kajian telah membuktikan bahawa hanya 30% murid Orang Asli lulus pendidikan sekolah menengah manakala hampir 50% murid Orang Asli berhenti sekolah selepas enam tahun persekolahan mereka, yang mana ianya kurang daripada separuh purata nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Menurut Kamarulzaman dan Osman (2010), pada setiap tahun sekitar 62% murid Orang Asli berhenti sekolah dan 94% tidak menamatkan sekolah menengah mereka. Keadaan menjadi lebih buruk apabila sekitar 43% hingga 59% sahaja murid Tahun 6 dari murid peribumi lulus memasuki sekolah menengah berbanding dengan 78% di peringkat kebangsaan. Hal ini dapat dilihat menerusi konsistansi kehadiran murid yang tidak seimbang telah menyumbangkan kepada keciciran mereka iaitu didapati hanya 30% ke 35% sahaja murid Orang Asli Tahun 6 di Pekan, Pahang menyambung pelajaran ke sekolah menengah (Salleh & Ahmad, 2009). Dalam pada itu, menurut Mohd Nor et al (2016) lebih 60% murid Orang Asli tidak berjaya mencapai tahap minimum dalam UPSR terutama bagi matapelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris manakala bagi matapelajaran Bahasa Melayu 42% ke 53% murid tidak mencapai tahap minimum. Ini dapat dilihat lagi kadar peralihan murid Orang Asli dari sekolah rendah ke sekolah menengah pada tahun 2012 adalah 90.42% yang hanya sedikit berubah dari tahun 2003 iaitu 90.31% dari data oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran KPM (Singar & Zainuddin, 2017). Isu-isu keciciran murid Orang Asli ini sering kali menjadi masalah yang masih lagi sukar untuk diatasi terutama dalam kalangan pendidik sedangkan landskap pendidikan di Malaysia sudah pun mencapai tahap yang baik dimana kebanyakkan pelajar sudah mampu berdaya saing, berinovasi dan kreatif sejajar dengan pembangunan pendidikan menerusi Revolusi Industri 4.0.

2.2. Faktor Murid Orang Asli Lemah Menguasai Pendidikan

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan murid Orang Asli lemah menguasai pendidikan antaranya adalah faktor diri mereka sendiri yang mudah merasa bosan dan hilang focus ketika belajar serta mempunyai daya ingatan yang pendek (Noriati et al., 2011). Dalam pada itu, mereka tidak mempunyai kemahiran mengurus masa dan mempunyai gaya hidup yang bebas kemudian mendorong kepada motivasi yang rendah untuk minat dalam pembelajaran. Menurut Talib & Muslim (2007), murid Orang Asli juga gemar ponteng sekolah dan ini secara tidak langsung mendorong kepada kemerosotan penguasaan kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira). Didapati murid Orang Asli juga tidak mengambil serius akan perihal pendidikan kerana mereka hidup dalam konteks kefahaman dan keselesaan ala kadar di ruang lingkup mereka tanpa perlu perkembangan dalam hidup (Abdul Wahab & Nordin, 2021). Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam pendidikan anak-anak namun peranan ibu bapa murid Orang Asli tidak begitu membantu mereka untuk maju dalam pendidikan. Orang Asli dari dahulu lagi kurang pendedahan kepada pendidikan, kerana itu mereka tidak dapat membayangkan apakah corak peningkatan hidup anak-anak terutama dalam pendidikan dan kerjaya. Sebaliknya, mereka hanya mampu berharap agar anak-anak hanya dapat membaca dan memiliki pelajaran lebih sedikit sahaja dari mereka (Wan Hanafi, Ahmad & Ali, 2014). Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa murid dari keluarga yang kurang pendidikan akan menunjukkan prestasi yang lebih teruk di sekolah berbanding murid yang keluarga mereka mempunyai latar belakang pendidikan (Kainuwa & Najeemah, 2013). Menurut Wan Hanafi et al (2014) ibu bapa

murid Orang Asli kebanyakannya kurang mengambil berat tentang sekolah anak-anak mereka seperti tidak memeriksa kerja sekolah dan tidak menyediakan bahan bacaan. Seterusnya, menurut Nicholas (2007), antara faktor keciciran murid Orang Asli adalah kerana pendekatan pedagogi yang berbeza dan kurang sesuai. Hal ini disokong oleh Mohamed, Sa'ari & Zakaria (2019), yang menyatakan pendekatan yang tidak menyekat kebebasan mereka dari mempelajari pendidikan dengan cara tersendiri dan yang bersifat multidisiplin akan memudahkan murid Orang Asli untuk menerima pembelajaran tersebut. Standard di dalam sistem pendidikan untuk murid Orang Asli masih lagi tidak mengambil kira perbezaan fahaman dan budaya lalu menyebabkan murid Orang Asli merasa terasing (Rosnon & Talib, 2019). Merujuk Brophy (2014), terdapat perbezaan yang signifikan di dalam cara murid Orang Asli melihat, memproses dan mengatur maklumat. Dalam masa yang sama, mereka juga tidak mempunyai. Sementara itu, faktor lain adalah ketidakupayaan guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkesan didapati menyebabkan murid menghadapi masalah kecekapan membaca, menulis dan memahami kemahiran serta kurangnya program dan modul khas yang disediakan untuk pembangunan kompetensi murid Orang Asli (Wahab et al, 2020).

2.3. Kaedah Pembelajaran Berasaskan Modul

Selari dengan topik-topik di dalam silibus oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2008, 2012, 2013), modul merupakan pendekatan bagi membantu pelajar dalam memahami subjek yang mereka pelajari (Hassan & Masrom, 2011). Terdapat banyak komitmen yang telah diberikan oleh pihak kerajaan terhadap pendidikan setara kepada masyarakat, namun masyarakat peribumi masih lagi terpinggir oleh sistem pendidikan yang ada kerana sistem pendidikan semasa gagal mengenali latar belakang, budaya, adat dan bahasa mereka (Copta, 2009). Justeru itu, pembangunan modul yang berasaskan gaya hidup serta identiti masyarakat Orang Asli harus dibangunkan dan dipelbagaikan sesuai dengan suku kaum mereka. Keberkesanan penggunaan modul dapat dilihat terutama jika modul itu menepati kehendak murid dan memberikan kesan yang lebih baik ketika proses pembelajaran. Dalam meningkatkan kecerdasan murid Orang Asli kaedah pengajaran dan pembelajaran mestilah mengambil kira kepentingan pengetahuan, pengalaman dan latar belakang keluarga yang mudah untuk dikuasai oleh murid (Harun et al., 2020). Hal ini dibuktikan oleh Shah et al (2015), hasil kajian mendapati menerusi modul yang dibangunkan murid Orang Asli menunjukkan peningkatan dari segi komunikasi lisan, kreatif dan kritis serta boleh menyelesaikan masalah dan dalam masa yang sama meningkatkan motivasi belajar. Modul Kurikulum Membaca Orang Asli yang dibangunkan oleh Siraj et al (2010) telah menerapkan unsur-unsur budaya dan pengalaman hidup murid kaum Temuan dalam aktiviti membaca menggunakan pendekatan Drama Kreatif seperti teater, bercerita, lagu dan pergerakan. Dalam pada itu kajian oleh Aziz et al (2017), telah membuktikan pembangunan modul berdasarkan tema buah-buahan dan sayur-sayuran kebun telah membantu meningkatkan sikap pengambilan makanan yang seimbang dan berkhasiat dalam kalangan murid Orang Asli Semai. Seterusnya kajian oleh Abdul Wahab et al (2019), terhadap pembangunan modul Kit RIMBA Sains terhadap murid Orang Asli Tahun 3 telah meningkatkan keyakinan murid, membangunkan kemahiran komunikasi, meningkatkan kepekaan terhadap alam sekitar, meningkatkan motivasi serta kemahiran psikomotor mereka. Justeru, modul yang dibangunkan ini adalah bertepatan kerana keberkesnannya terhadap aspek pembacaan murid Orang Asli akan meningkat dan boleh membantu mereka untuk memahami matapelajaran yang lain tanpa mengabaikan identiti mereka.

3. Metodologi

Pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk kajian campuran kualitatif dan kuantitatif dalam kajian pembinaan Modul Mudah Membaca MOA ini. Menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk pengutan data adalah untuk menyokong dapatan kajian (Gill et al, 2008). Pengkaji menggunakan kedua-dua jenis reka bentuk kerana kajian ini melibatkan analisis kajian literatur dalam pembinaan kerangka konseptual kajian serta pemerhatian dalam bilik darjah, dan temu bual guru untuk kaedah kualitatif manakala kajian jenis kuantitatif menggunakan kuasi-eksperimen ujian pra dan ujian pasca untuk menguji pencapaian murid Orang Asli selepas menggunakan modul (Bacotang, 2014; Bacotang et al., 2016).

3.1. 5 (Lima) Peringkat Model ADDIE

3.1.1. Analisis

Setelah meneliti Modul Pesemai, pengkaji mendapati modul membaca ini menfokuskan pada kemahiran membunyikan suku kata tunggal KV dan perkataan pasangan KV-KV. Manakala Modul Satakianz pula menfokuskan kemahiran membunyikan suku kata KV-KV, suku kata KVK, perkataan KV-KVK, KVK-KVK, KV-KVK dan lagu bacaan. Maka dengan itu, pengkaji menentukan bahawa pembinaan Modul Mudah Membaca MOA mesti berteraskan kemahiran membaca bunyi suku kata tunggal KV, perkataan KV-KV, dan KV-KVK sebagai matlamat utama.

3.1.2. Reka Bentuk

Pengkaji membina objektif yang spesifik bagi setiap kemahiran membaca dalam pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid Orang Asli. Pengkaji mengaplikasikan objektif-objektif tersebut ke dalam 4 pelajaran yang berbeza dalam Modul Mudah

Membaca MOA. Bagi setiap pelajaran, pengkaji memperkenalkan bunyi vokal terdahulu dan memasukkan juga unsur keseronokan seperti lagu suku kata. Selepas itu, barulah murid mempelajari sebutan bunyi perkataan KV-KV, KVK dan KV-KVK dalam pelajaran seterusnya. Selain itu, pernyataan untuk setiap pelajaran dinyatakan dengan jelas seperti “bunyikan”, “bacakan”, dan “nyanyikan” dalam setiap helaian modul. Pengkaji juga merekakan perkataan- perkataan modul tersebut dilengkapi dengan gambar-gambar yang berwarna supaya lebih menarik minat murid Orang Asli. Di samping itu, setiap perkataan juga disertai dengan penterjemahan Bahasa Semai supaya dapat membantu guru menerangkan kepada murid dengan jelas.

3.1.3. Pembangunan

Pengkaji membangunkan Modul Mudah Membaca MOA dengan membina empat pelajaran mengikut turutan bunyi vokal, bunyi suku kata dalam bentuk lagu, perkataan KV-KV, KVK, KV-KVK beserta gambar berwarna dan akhirnya beberapa ayat sebagai bacaan tambahan. Modul ini mengandungi 35 muka surat dan dibahagikan kepada empat pelajaran. Setiap pelajaran mempunyai gambar yang berwarna-warni, perkataan dan disertai penterjemahan Bahasa Semai. Setiap helaian mengandungi maksima lima gambar sahaja.

3.1.4. Pelaksanaan

Pengkaji telah menguji penggunaan Modul Mudah membaca MOA pada tiga buah sekolah Orang Asli sekitar negeri Perak. Sekolah pertama adalah Sekolah Kebangsaan Ulu Geruntum, Gopeng dan ditandakan sebagai Sekolah A, Sekolah Kebangsaan Kampung Senta, Bidor yang ditandakan sebagai sekolah B dan Sekolah Kebangsaan Batu 14, Tapah sebagai Sekolah C. Pengkaji menggunakan sampel berjumlah 30 orang murid Orang Asli daripada ketiga-tiga buah sekolah tersebut untuk melaksanakan kuasi-eksperimen bagi mengenalpasti keberkesanan Modul Mudah Membaca MOA.

3.1.5. Penilaian

Pengkaji telah mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada guru-guru yang telah menggunakan modul tersebut di dalam kelas mereka. Berdasarkan pandangan guru-guru tersebut, mereka dapat melihat terdapat peningkatan pada penguasaan kemahiran asas membaca murid Orang Asli dengan penggunaan modul ini. Hal ini disokong oleh Othman, Baki & Mat (2009), antara tujuan membaca adalah untuk memahami teks dan isi teks yang memberi makna kepada pembaca adalah bahan disediakan adalah selari dengan kandungan teks. Manakala hasil kajian oleh Wahab (2019), yang menggunakan modul LIKES yang dibina untuk membantu murid Orang Asli ternyata dapat membantu murid untuk lebih fokus dan mereka lebih berminat untuk belajar. Di samping itu, mereka juga berpendapat murid-murid juga menunjukkan tingkahlaku yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbanding sebelum ini. Murid yang mempunyai sikap positif akan berusaha untuk mempelajari dan menguasai pembelajaran sesuatu bahasa dengan sebolehnya kerana kepentingan mempelajari bahasa tersebut yang terbentuk daripada motivasi (Zubir, Kamaruddin & Sha'ari, 2018). Kedua-dua guru menyatakan mereka juga dapat mempelajari Bahasa Semai melalui penterjemahan yang disertakan dalam modul. Mereka menyatakan kesediaan mereka untuk terus menggunakan modul ini dalam PdPc harian mereka dan berharap agar lebih banyak topik dimasukkan ke dalam Modul Mudah Membaca MOA ini. Menurut Ahmad Zuki (2014), modul yang berpengaruh adalah sebuah modul berkualiti yang telah menepati objektif pembangunannya serta mampu memberi impak kefahaman terhadap individu yang menggunakannya.

4. Dapatan kajian

4.1. Hasil analisis

Jadual 1: Hasil analisis keputusan min ujian pra dengan min ujian pasca Kumpulan Kawalan ketiga-tiga sekolah

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean	t	df	Sig (2-tailed)
Pair 1	UjianPra	27.2000	5	4.43847	1.98494	-3.628	4	0.022
	UjianPos	31.4000	5	6.02495	2.69444			
Pair 2	UjianPra	27.8000	5	7.39594	3.30757	-3.534	4	0.024
	UjianPos	38.6000	5	6.87750	3.07571			
Pair 3	UjianPra	12.2000	5	1.92354	0.86023	-14.436	4	0.000
	UjianPos	30.8000	5	2.28035	1.01980			

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis keputusan min skor ujian pra dengan min ujian pasca kumpulan kawalan ketiga-tiga sekolah. Bacaan nilai sig masing-masing 0.022, 0.024 dan 0.000. Kesemua nilai sig <0.05, maka ini menjelaskan terdapat perbezaan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan ketiga-tiga sekolah. Dengan itu, keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan.

Jadual 2: Hasil analisis keputusan min ujian pra dengan min ujian pasca Kumpulan Rawatan ketiga-tiga sekolah

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean	t	df	Sig(2-tailed)
Pair 1	UjianPra	24.2000	5	3.96232	1.77200	-10.376	4	0.000
	UjianPos	48.4000	5	4.27785	1.91311			
Pair 2	UjianPra	24.6000	5	5.12835	2.29347	-16.106	4	0.000
	UjianPos	45.6000	5	5.31977	2.37908			
Pair 3	UjianPra	9.4000	5	3.23684	1.46969	-20.692	4	0.000
	UjianPos	27.2000	5	1.92354	0.86023			

Jadual 2 atas menunjukkan hasil analisis keputusan min skor ujian pra dengan min ujian pasca kumpulan rawatan ketiga-tiga sekolah. Bacaan nilai sig adalah sama bagi kesemua sekolah iaitu 0.000. Kesemua nilai sig <0.05, maka ini menjelaskan terdapat perbezaan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan ketiga-tiga sekolah. Dengan itu, keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan.

Jadual 3: Hasil analisis Ujian ANOVA perbandingan keputusan Min Ujian Pasca di antara Kumpulan Kawalan sekolah A, sekolah B dan Sekolah C.

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	188.400	2	94.200	3.182	.078
Within Groups	355.200	12	29.600		
Total	543.600	14			

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis ujian ANOVA perbandingan keputusan min skor ujian pasca kumpulan kawalan ketiga-tiga sekolah. Bacaan nilai sig adalah 0.078. Oleh kerana nilai sig >0.05, maka ini menjelaskan tidak terdapat perbezaan antara min skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan ketiga-tiga sekolah. Dengan itu, keputusan analisis menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan.

Jadual 4: Hasil analisis Ujian ANOVA perbandingan keputusan Min Ujian Pasca di antara Kumpulan Rawatan sekolah A, sekolah B dan Sekolah C.

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1326.400	2	663.200	39.555	.000
Within Groups	201.200	12	16.767		
Total	1527.600	14			

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis ujian ANOVA perbandingan keputusan min skor ujian pasca kumpulan rawatan ketiga-tiga sekolah. Bacaan nilai sig adalah 0.000. Oleh kerana nilai sig <0.05, maka ini menjelaskan terdapat perbezaan antara min skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan ketiga-tiga sekolah. Dengan itu, keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan.

4.2. Senarai Semak

Senarai semak adalah senarai aspek yang perlu diperhatikan sebagai isi, kebolehan, dan tingkah laku dan mekanisme untuk mengesahkan jika ada petunjuk atau gejala tertentu (Trigueros, Juan & Sandoval, 2017). Kajian dapatan mendapati bahawa kesemua murid dalam kumpulan rawatan di Sekolah A iaitu Sekolah kebangsaan Ulu Geruntum, Gopeng dapat menguasai semua kemahiran asas membaca kecuali kemahiran membaca KVK melalui senarai semak pemerhatian murid yang dibekalkan kepada guru. Berdasarkan pemerhatian guru terhadap murid-murid sepanjang penggunaan modul, didapati bahawa murid kurang mahir menyebut perkataan KVK. Manakala di Sekolah B dan Sekolah C iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Senta dan Sekolah Kebangsaan Batu 14, Tapah pula, kajian mendapati bahawa kesemua murid dalam kumpulan rawatan dapat menguasai kesemua kemahiran asas membaca yang dinyatakan dalam borang senarai semak pemerhatian murid.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kajian pembinaan Modul Mudah Membaca MOA ini dapat memberi gambaran jelas kepada pembaca tentang penggunaan modul ini bagi meningkatkan kemahiran membaca murid Orang Asli. Pembinaan modul ini lebih teratur berikutan ianya telah mengaplikasikan semua peringkat Model ADDIE iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Modul ini memberi alternatif kepada guru-guru Bahasa Melayu tahap 1 di sekolah-sekolah Orang Asli selain bahan bacaan yang sedia ada di sekolah untuk membantu murid-murid yang menghadapi kesulitan dalam membaca. Semua pihak perlu memandangkan berat isu keciciran murid Orang Asli dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis supaya permasalahan ini tidak berpanjangan dan menjadi semakin serius. Dengan itu, beberapa cadangan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid Orang Asli perlu diambil kira dalam menangani isu kelemahan penguasaan 3M murid Orang Asli di sekolah rendah. Antaranya adalah menggunakan alat bantuan mengajar yang menarik dan berpusatkan murid, mengadakan kelas intensif untuk murid Orang Asli di luar waktu persekolahan dan penceritaan kisah individu-individu berketurunan Orang Asli yang telah berjaya kepada mereka untuk dijadikan inspirasi dan contoh bahawa Orang Asli juga boleh berjaya seperti kaum lain dan memberi kursus kepada guru-guru di sekolah Orang Asli.

Rujukan

- Abdul Wahab, N., & Nordin, N. A. (2021). Kertas Konsep Pembangunan Modul Sekolah Rimba Berasaskan Pengetahuan Peribumi Bagi Mengekalkan Kelestarian Masyarakat Orang Asli. *Asian Pendidikan*, 1(1), 10-21.
- Abdul Wahab, N., Ahmad, A. R., & Awang, M. (2019). *Pembangunan Orang Asli di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Wahab, N. B., Haron, N., & Che Mat, C. L. (2019). Kebolegunaan Kit RIMBA bagi Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia (eSRM) dalam kalangan Murid Orang Asli. 2(1). https://cdn-cms.f-static.com/uploads/1759562/normal_5d7c464449cd9.pdf.
- Abdul Wahab, N. B. (2015). *Pembangunan kit rimba berorientasikan Elemen Sekolah Rimba Malaysia bagi peningkatan kompetensi sains Murid Orang Asli*. PhD thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdul Wahab, N. B., Mohamed, M., Hassan, A., & Haron, M. N. (2013). Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia Dalam Kalangan Murid Orang Asli. 2 nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013).
- Ahmad Zuki, R. E. (2014). *Model dan Modul Pengajaran Integrasi Holistik Guru Pelatih Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. (tesis PHD).
- Aziz, S. F. A., Siraj, S., Hussin, Z., Norman, N. A., & Norman, N. I. (2017). Development of a garden-based curriculum content model for indiginous primary school students. *Asia Pacific Journal of Contemporary Education and Communication Technology*, 3(2). <https://doi.org/10.25275/apjcectv3i2edu13>.
- Bacotang, J. (2014). Pelaksanaan kajian kuasi-eksperimen untuk mengenal pasti tahap kemahiran literasi awal kanak Kanak taska.
- Bacotang, J., Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M., Arshad, M., & Omar, A. (2016). Aplikasi Model ADDIE dalam pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9(2), 110.
- Brophy, E. A. (2014). *Assessing the language of aboriginal canadian children: towards a more culturally valid approach* [PDF]. Toronto: Canadian Journal of Speech-Language Pathology and Audiology.
- Copta, D. D. (2009). *Isu-isu pendidikan di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cumming, F., & Nash, M. (2015). *An australian perspective of a forest school: shaping a sense of place to support learning*. *Journal of Adventure Education and Outdoor Learning*, 15(4), 296–309. <https://doi.org/10.1080/14729679.2015.1010071>.
- Er, A. C. (2010). The nascent development of ecotourism in Lagong Hill. *American Journal of Applied Sciences*, 7(12), 1528.
- Gill, P., Stewart, K., Treasure, E., & Chadwick, B. (2008). Methods of data collection in qualitative research: interviews and focus groups. *British dental journal*, 204(6), 291-295.

- Harun, N. H. B., Rahman, M. N. A., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2020). Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Kreativiti Orang Asli Dalam Meningkatkan Kecerdasan Kanak-Kanak Prasekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 66-76.
- Hassan, H., & Masrom, N. A. (2011). Modul Pembelajaran Mandiri (MPK) Subjek Information and Communication Technology (ICT) Tingkatan 4. Diperoleh dari <https://core.ac.uk/download/11787291.pdf>.
- Jamian, A. R. (2021). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Talib, J., & Muslim, N. (2007). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? *Jurnal Pengajian Umum Bil.8*, 51-76. <https://doi.org/ISSN 1511-8393>.
- Kainuwa, A. & Najeemah, M. Y (2013). *Influence of socio-economic and educational background of parents on their children's education in Nigeria*. International Journal of Scientific and Research Publications, 3(10), pp. 2-4.
- Kamarulzaman, K., & Osman, J. (2008). *Educational policy and opportunity of orang asli: a study on indigenous people in malaysia*. The Journal of Human Resource and Adult Learning, 4(1):86-97.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Garis panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2008 (Edisi Percubaan)*. Jabatan Pendidikan Khas: Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 2020*. Kuala Lumpur. *Laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia education blueprint 2013-2025 (Preschool to post-secondary education)*. Kuala Lumpur: Author.
- Md. Nor, S., Roslan, S., Mohamed, A., Abu Hassan, K. H., Ali, M. A. M., & Manaf, J. A. (2011). Dropout prevention initiatives for Malaysian indigenous Orang Asli children. *International Journal on School Disaffection*, 8(1), 42-56.
- Mohamed, A., Sa'ari, H., & Zakaria, S. Z. S. (2019). Creativity and inovation as an indigenous pedagogy. *journal of educational research and indigenous studies* Volume: 1(1), 15. https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5cb3cd8fa7199.pdf.
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). *Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli.: perspektif pendidikan dan sosiobudaya.*, 47-58. [http://irep.iium.edu.my/13288/1/Chapter - Kesedaran Belajar Masy Orang Asli - 2009.pdf](http://irep.iium.edu.my/13288/1/Chapter_-_Kesedaran_Belajar_Masy_Orang_Asli_-_2009.pdf).
- Sari, B. K. (2017). *Desain Pembelajaran Model Addie Dan Implementasinya Dengan Teknik Jigsaw*. Prosiding Seminar Nasional Pendidikan: Tema “Desain Pembelajaran Di Era Asean Economic Community (Aec) Untuk Pendidikan Indonesia Berkemajuan” Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Muhammadiyah Sidoarjo. ISBN 978-602-70216-2-4.
- Shah, H. T., Halim, L., & Iksan, Z. (2015). Kaedah bermain dalam meningkatkan minat murid orang asli terhadap Sains. In *International Conference on Language, Education, and Innovation (ICLEI 2015)*, (16-17 March) (pp. 71-81).
- Mohd Yusoff, S. H. (2017). Pendidikan seni visual: konteks sikap dan kepercayaan di kalangan pelajar orang asli di negeri perak. *Jurnal penyelidikan dedikasi* jilid 13, 2017. 24-41.
- Nicholas, C. (2007). *People first Orang Asli after 50 years Merdeka*.
- Noriati, A. R., Boon, P. Y., Fakhriah, S., & Zuraidah A. M. (2011). *Budaya dan pembelajaran*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Nyborg, G., Mjelve, L. H., Edwards, A., & Crozier, W. R. (2020): Teachers' strategies for enhancing shy children's engagement in oral activities: necessary, but insufficient? *International Journal of Inclusive Education*, DOI: 10.1080/13603116.2020.1711538.
- Othman, Y. (2008). *Proses & Strategi membaca berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman, Y., Baki, R., & Mat, N. (2009). *Pemeriksaan pendidikan Bahasa Melayu: Teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Rosnon, M. R., & Talib, M. A. (2019). *Indigenous education rights: the malaysian case*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(10), 149-167.

- Siraj, S., Zaharah, H., Melati, S., Habib, M. S., & Kamaliah, S. (2010). *Modul kurikulum asas membaca orang asli. monograf fakulti pendidikan*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Sukor, S. A., Ghazali Y. N., Izam, M., & Hasani, D. M. (2011). Kanak- kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Kedah: UUM.
- Singar, S. N., & Zainuddin, A. (2017). *Exploring the school dropout factors among indigenous students in melaka*. *Journal of Administrative Science*, 14(3), 38–50. https://jas.uitm.edu.my/images/SPECIALITIONVOL3_2017/3.pdf
- Trigueros, R., Juan, M., & Sandoval, F. (2017). Qualitative and quantitative research instruments: Research tools. *Handbook of research methods and applications in political science*, 341-342.
- Valerian, T., Taisin, N., & Suyata, P. (2020). Keberkesanan pembelajaran modul boros maan berasaskan multimedia interaktif terhadap pencapaian murid dalam kosa kata [The effectiveness of interactive multimedia-based boros maan learning module over student vocabulary]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 90-96. <https://doi.org/10.33306/mjssh/99>.
- Wahab, N. A., Choo, G. S., Shah, M. A., Jaafar, R., & Ghazali, N. H. C. M. (2019). *Development and evaluation of the 'likes' module to promote reading interest among orang asli in primary schools*. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(4), 157–164.
- Wahab, N. A., Jaafar, R., Mustapha, R., Kamis, A., & Affandi, N. M. (2017). *the effectiveness of likes method in improving reading skills of orang asli students*. *Asian Social Science*, 13(6), 74. <https://doi.org/10.5539/ass.v13n6p74>
- Wahab, N. B. B. A., Mohameda, M., Hassana, A., & Haronb, M. N. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, organised by Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia at KSL Hotel & Resort, Johor Bahru (pp. 424- 432).
- Wahab, N., Goh, P., Ong, E., Ibrahim, M., & Affandi, H. (2020). *Construction of the forest school framework based on indigenous knowledge in malaysia*. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 39(2), 269–278. doi:<https://doi.org/10.21831/cp.v39i2.29316>
- Wan Hanafi, W. A., Ahmad, S., & Ali, A. (2014). *Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5). pp. 107-122. ISSN 2180-2491.
- Williams-Hunt, A. (1995). Land conflicts: Orang Asli ancestral laws and state policies. *Indigenous minorities of Peninsula Malaysia: Selected issues and ethnographies*, 36-47.
- Yusof, H., Ahmad, A. R., & Musa, K. (2013). Pengaruh lingkungan sosial dan keluarga murid tahun 5 orang asli semai terhadap masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Biitara UPSI*.
- Zubir, M. U., Kamaruddin, R., & Sha'ri, S. N. (2019). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa melayu murid tingkatan satu (Junior one loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.